

Lahir golongan wujud pekerjaan

► Pesara kerajaan disaran libatkan diri dalam keusahawanan

UB 23.11.2018 A6

TUARAN: Timbalan Ketua Menteri Datuk Seri Wilfred Madius Tangau menyarankan para pesara kerajaan agar terlibat dalam arena keusahawanan.

Beliau berkata, ilmu dan pengalaman luas yang mereka miliki mampu memberi

“Kementerian akan bekerjasama dengan Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi mewujudkan program Ijazah Keusahawanan. Usaha ini bukan sahaja bertujuan mencari pekerjaan tetapi juga untuk melahirkan golongan yang akan mewujudkan pekerjaan”

sumbangan baharu dalam dunia keusahawanan.


“Kementerian akan bekerjasama dengan Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi mewujudkan program Ijazah Keusahawanan.

“Usaha ini bukan sahaja bertujuan mencari pekerjaan tetapi juga untuk melahirkan golongan yang akan mewujudkan pekerjaan.

“Kita akan berusaha menghubungkan semua agensi di bawah kementerian dan para usahawan untuk menghasilkan bidang keusahawanan yang berjaya di negeri ini,” katanya ketika berucap merasmikan Majlis Sekalung Budi Seikhlas Penghargaan, di sini pada Khamis.



MADIUS (dua dari kanan) menyerahkan sijil penghargaan kepada Norbidin (dua dari kiri).



PARA pesara yang hadir.

Majlis itu meraikan seramai 115 pesara dari Tuaran, Kota Belud dan Tamparuli yang bersara sepanjang tahun 2018 dari pelbagai jawatan dan gred.

Dalam padaitu, Madius yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian turut menyeru para pesara untuk terus memanfaatkan ilmu serta pengalaman berharga yang diperoleh sepanjang perkhidmatan serta menyumbang khidmat bakti kepada rakyat dan negeri Sabah.

“Sesungguhnya, khidmat bakti ditabur akan terus berkembang dan mewangi di mana sahaja anda berada dan apa pun bidang yang diceburi.

“Sementara, para pegawai yang masih berkhidmat teruskanlah usaha demi memastikan kesinambungan kecemerlangan perkhidmatan awam,” ujarnya.

Hadir sama, Pengarah Perkhidmatan Awam Sabah Datuk Nordin Siman dan wakil pesara Norbidin Ulak.